

Beban tanggung hutang bil rawatan pekerja asing terus meningkat

# Wajib ambil insurans kesihatan

**PUTRAJAYA** – Semua pekerja asing di negara ini akan diwajibkan mempunyai insurans kesihatan bernilai RM120 setahun mulai 1 Januari 2011.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai (**gambar**) berkata, langkah itu berikutan tunggakan bil di hospital kerajaan yang tinggi setakat ini iaitu berjumlah RM18 juta.

Beliau berkata, jumlah tersebut dijangka meningkat berikutan jumlah pekerja asing yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.

“Ini melibatkan pekerja asing kerana ekspatriat, mereka bayar. Ada yang bayar separuh, ada yang tidak bayar langsung tetapi kebanyakannya tidak bayar.

“Kita memandang serius perkara ini dan sebab itu kita melaksanakan langkah ini,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pengurusan Kementerian Kesihatan



di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini semalam.

Tiong Lai berkata, adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk memohon insurans kesihatan itu dengan mana-mana

Menjadi tanggungjawab majikan untuk memohon dengan mana-mana syarikat insurans ketika ingin membawa masuk pekerja asing baru

**LIOW TIONG LAI**

syarikat insurans ketika ingin membawa masuk pekerja asing baru.

“Bagi yang sedia ada, majikan boleh berbuat demikian ketika memperbaharui permit mereka,” ujar beliau.



# Boleh dilaksanakan dengan syarat potong gaji

Oleh SITI KAMILAH MUSTAPHA  
kamilah.mustapha@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** – Premium insurans kesihatan yang diwajibkan ke atas pekerja asing mulai tahun depan perlu ditanggung oleh pekerja itu sendiri dan bukannya majikan.

Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma), Noorul Hassan Sahul Hamed berkata, pihaknya menyambut baik usaha kerajaan itu dengan syarat premium RM120 setahun itu dipotong daripada gaji pekerja.


Katanya, majikan telah menanggung beban kos yang tinggi seperti kos levi pekerja sebanyak RM200 sebulan dan premium insurans sepatutnya ditanggung pekerja.

“Kalau kerajaan hendak kenakan lagi kos tambahan ini, ia haruslah ditanggung oleh pekerja melalui potongan gaji sebanyak RM120 setahun,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Ujarnya, jika kerajaan mewajibkan premium itu ditanggung oleh majikan, ia akan menyebabkan pengusaha makanan terpaksa menaikkan harga jualan.

Noorul menambah, setiap majikan bukan hanya mempunyai seorang pekerja dan kenaikan kos untuk insurans jika terpaksa ditanggung oleh majikan, ia akan meningkatkan kos tetap perniagaan.

Sementara itu, Persatuan Agensi Pembantu Rumah Asing (Papa) berpendapat, langkah tersebut bakal me-



NOORUL HASSAN



ALWI

nguntungkan kedua-dua pihak terutama majikan sendiri jika berlaku kemalangan atau kematian terhadap pekerja mereka.

Presidennya, Alwi Bavutty berkata, dengan kos sekitar RM120 setahun, majikan tidak perlu lagi menanggung kos perubatan pekerja masing-masing.

“Kadang-kadang pekerja asing ini juga selalu sakit, jadi setiap kali ke hospital, majikan tidak perlu lagi keluaran duit poket untuk kos perubatan itu.

“Kos lagi tinggi kalau berlaku kematian pekerja, jadi kalau majikan sudah ambil insurans, mereka tidak perlu lagi keluaran duit untuk pengurusan kematian kerana semuanya ditanggung oleh insurans,” jelasnya.

Beliau menambah, sebelum ini, Papa sudah menggalakkan agensi yang berdaftar dengan persatuan itu untuk mengambil insurans tersebut dan mendapat sambutan baik.

## Info pekerja asing di Malaysia

● Terdapat 1.8 juta pekerja asing berdaftar di negara ini direkodkan sehingga April lalu.

- Pembantu rumah 12 peratus
- Pembuatan 39 peratus
- Perladangan 14 peratus
- Pembinaan 19 peratus
- Perkhidmatan 10 peratus
- Pertanian 6 peratus

Sumber: Kementerian Dalam Negeri

## Kos purata kasar yang ditanggung oleh seorang majikan untuk mengambil seorang pembantu rumah

● Kos pengambilan daripada ejen yang tidak bertauliah adalah di antara RM5,500 ke RM6,000.

● Kos melalui melalui ejen terlatih dan bertauliah memakan kos dari RM7,000 ke RM8,000.

- Gaji RM500 - RM600
- Sewa rumah RM150 - RM200
- Makan RM200 - RM300
- Pakaian RM 50 - RM100
- Bil-bil RM 10 - RM 50
- Balik kampung RM200 - RM300



MAJIKAN terpaksa menanggung kos yang terus meningkat setiap tahun jika mahu mengambil pekerja asing. – Gambar hiasan



## Info Solat

26 NOVEMBER 2010  
● 19 ZULHIJAH 1431H



SUBUH • SYURUK • ZUHUR • ASAR • MAGHRIB • ISYAK

K. LUMPUR	5.42	7.03	1.03	4.26	7.00	8.14
SHAH ALAM	5.42	7.03	1.03	4.26	7.00	8.14
SEREMBAN	5.39	7.00	1.02	4.24	7.00	8.14
MELAKA	5.38	6.59	1.01	4.24	7.00	8.13
JOHOR BAHRU	5.30	6.51	12.55	4.17	6.54	8.08
IPOH	5.46	7.04	1.06	4.28	7.02	8.15
P. PINANG	5.49	7.11	1.08	4.29	7.02	8.16
ALOR SETAR	5.50	7.09	1.07	4.28	7.00	8.14
K. TERENGGANU	5.38	6.59	12.57	4.18	6.51	8.05
KOTA BHARU	5.47	7.04	1.01	4.22	6.54	8.03
KUANTAN	5.35	6.57	12.58	4.20	6.55	8.09
KANGAR	5.51	7.12	1.08	4.29	7.00	8.14

\*Kawasan-kawasan sewaktu dengannya



Pembaca  
setia Kosmo!

